

26/04/1997

Jadikan Islam kuasa kebaikan abad ke-21 (HL)

Manja Ismail; Faizal Fadzil; Meor Hisham Zulkifli

PETALING JAYA, Jumaat - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad percaya umat Islam boleh menjadi satu kuasa yang dapat membawa kebaikan manusia sejagat pada abad akan datang.

Sambil menegaskan perkara itu tidak mustahil walaupun agak sukar, Perdana Menteri berkata, terserah kepada umat Islam untuk membuat keputusan dengan mengingatkan bahawa Allah tidak akan mengubah nasib mereka kecuali mereka sendiri yang berusaha mengubahnya.

Menurut beliau, abad ke-21 tidak relevan kepada umat Islam. Ia hanya satu tempoh waktu.

Katanya, tetapi abad ke-21 akan menyaksikan banyak perubahan dan umat Islam sama ada suka atau tidak, adalah sebahagian daripada perubahan itu.

Sehubungan itu, tegasnya, adalah lebih baik umat Islam menghadapi abad ke-21 dengan mata terbuka luas dan mempunyai pandangan jelas mengenai apa yang mereka mahu lakukan dan peranan apakah yang mahu dimainkan.

"Dan jika mereka memilih untuk memainkan satu peranan membina dan pada masa yang sama mengekalkan kepercayaan, nilai-nilai kerohanian dan persaudaraan tulen mereka, mereka akan mampu memberi sumbangan positif kepada kemajuan kemanusiaan, menjadikannya tenang kembali dan menghalang haluan kehancuran yang sedang ditujui manusia," katanya.

Dr Mahathir menyampaikan pandangannya itu di `Simposium Antarabangsa Mengenai Dunia Islam Dan Kerjasama Global: Persediaan Untuk Abad Ke-21,' di sebuah hotel terkemuka, di sini hari ini.

Simposium tiga hari anjuran bersama Pusat Kajian Islam Oxford (OCIS) dan Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM) adalah susulan ucapan Perdana Menteri bertajuk `Islam: The Misunderstood Religion' di Universiti Oxford, pada April tahun lalu.

Hadir sama ialah Pengerusi IKIM, Tan Sri Ahmad Sarji Abdul Hamid dan Pengarah OCIS, Dr Farhan Ahmad Nizami.

Perdana Menteri juga menghabiskan kira-kira sejam menjawab pertanyaan peserta mewakili pemikir, ahli akademik, pemimpin korporat, ahli politik, pegawai kerajaan dan wartawan.

Dr Mahathir berkata, bagi mencapai kemajuan, umat Islam boleh membangunkan negara masing-masing tanpa perlu mewujudkan empayar Islam seperti pada zaman silam.

Bagaimanapun, umat Islam wajib bekerjasama sebagai satu ummah.

"Umat Islam tidak harus taksud dalam kesetiaan terhadap negara sendiri sehingga mereka harus berperang dengan negara Islam lain untuk kepentingan negaranya sendiri," katanya.

Bagi mengukuhkan kerjasama ummah, Dr Mahathir berkata, negara Islam boleh mengukuhkan Pertubuhan Persidangan Islam (OIC) dan membantu negara anggota yang lemah.

Bagaimanapun, untuk mencapai kejayaan pada masa depan, umat Islam harus berusaha menamatkan suasana saling berperang dan bermusuhan bagi mengembalikan semula kegemilangan tamadun Islam.

"Ketika ini, tiada negara Islam yang boleh diklasifikasikan maju.

"Sebilangan kecil mungkin kaya kerana dikurniakan dengan sumber-sumber asli. Tetapi hampir semuanya tertinggal dari segi pengetahuan moden dan kemahiran teknologi," katanya.

(END)